



UNTUK SIARAN
SEGERA

**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN
KEMENTERIAN KESIHATAN**

**MOF DAN KKM MENUBUHKAN JAWATANKUASA BERSAMA PERINGKAT
MENTERI UNTUK KOS PENJAGAAN KESIHATAN SWASTA (JBMKKS)**

Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Kesihatan (KKM) telah menubuhkan Jawatankuasa Bersama Peringkat Menteri untuk Kos Penjagaan Kesihatan Swasta (JBMKKS) dalam usaha meneruskan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan, bagi menangani peningkatan kos penjagaan kesihatan swasta dan inflasi perubatan.

Jawatankuasa yang mengadakan mesyuarat pertamanya hari ini, akan menyelaraskan pendekatan menyeluruh untuk merangka dan melaksanakan langkah-langkah secara kolaboratif yang sejajar dengan penjagaan kesihatan berasaskan nilai (*value-based healthcare*).

JBMKKS dipengerusikan bersama oleh Menteri Kewangan II, YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, dan Menteri Kesihatan, YB Datuk Seri Dr Haji Dzulkefly Ahmad, dengan keanggotaan terdiri daripada wakil MOF, KKM, dan Bank Negara Malaysia (BNM). Jawatankuasa ini akan disokong oleh Majlis Perundingan, yang memberikan input dan nasihat teknikal. Majlis ini dianggotai oleh wakil-wakil utama dalam ekosistem penjagaan kesihatan swasta, termasuk hospital swasta, profesional kesihatan, penyedia insurans dan pengendali Takaful, kumpulan advokasi pengguna, serta pihak akademik. Senarai ahli Jawatankuasa dan Majlis Perundingan boleh dirujuk dalam lampiran siaran akhbar ini.

“Peningkatan kos penjagaan kesihatan merupakan kebimbangan utama rakyat Malaysia—dan Kerajaan MADANI mengambil langkah proaktif untuk menanganinya. Jawatankuasa bersama ini mencerminkan komitmen kita untuk bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan dalam membentuk sistem penjagaan kesihatan swasta yang mampan, telus dan benar-benar memberi nilai. Pada asasnya, ini adalah tentang melindungi kesejahteraan rakyat Malaysia dan mengukuhkan daya tahan negara kita,” kata YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah.

JBMKKS dibina atas usaha yang telah dijalankan sebelum ini, termasuk pelaksanaan keperluan pembayaran bersama (*co-payment*) oleh BNM, langkah interim bagi mengurangkan impak pelarasan premium perubatan kepada pemegang polisi yang terkesan pada tahun 2024 hingga 2026, serta kerangka RESET yang merangkumi lima (5) teras strategik untuk menangani inflasi perubatan, iaitu menyusun semula Insurans/Takaful Perubatan dan Kesihatan (MHIT), meningkatkan ketelusan harga, memperkukuh ekosistem Kesihatan Digital, mengembangkan pilihan penjagaan kos efektif, dan menyusun semula pembayaran penyedia perkhidmatan kesihatan. RESET telah mendapat sokongan yang meluas daripada MOF, KKM, BNM dan pihak industri yang utama sebagai kerangka strategik untuk menangani peningkatan kos penjagaan kesihatan dan insurans swasta.

Melangkah ke hadapan, Jawatankuasa ini akan menjadi platform utama untuk membimbing dan memantau pelaksanaan inisiatif-inisiatif di bawah RESET. Kerja-kerja ke atas inisiatif penting ini telah bermula, khususnya dalam pembangunan produk asas MHIT yang mengimbangi kemampuan dan kemampunan, pembangunan sistem pembayaran berdasarkan Kumpulan Berkaitan Diagnostik (DRG) untuk pelaksanaan secara berfasa, serta peningkatan ketelusan maklumat harga.

Bagi pemegang polisi insurans perubatan sedia ada, langkah-langkah ini bertujuan untuk memastikan ketelusan harga yang lebih baik dan pada masa yang sama, menawarkan pilihan yang lebih mampu milik. Sepanjang tempoh jawatankuasa ini berkuatkuasa, langkah-langkah untuk memperluas akses kepada penjagaan kesihatan swasta yang mampu milik akan diteruskan, termasuk dengan memperkukuh peranan penjagaan kesihatan primer dan kesinambungan penyedia penjagaan kesihatan, berasaskan langkah-langkah yang telah diumumkan sebelum ini seperti inisiatif Rakan KKM.

YB Datuk Seri Dr Haji Dzulkefly berkata bahawa kerangka RESET yang dibangunkan secara bersama ini turut merangkumi usaha KKM yang sedang dan akan dilaksanakan untuk memperkukuh sistem penjagaan kesihatan Malaysia untuk semua.

“Kerangka ini turut mencerminkan komitmen secara menyeluruh untuk melaksanakan penyelesaian seperti penjagaan berasaskan nilai, yang mengutamakan hasil kesihatan melalui pelaksanaan berfasa DRG serta peluasan pilihan penjagaan kesihatan dengan harga yang berpatutan untuk rakyat. Inisiatif sebegini akan memberikan manfaat nyata kepada semua rakyat Malaysia melalui pengurangan kesesakan dan kepadatan di hospital dan klinik awam,” tambah beliau.

JBMKKS sedar bahawa kejayaan pelaksanaan inisiatif RESET yang menyeluruh bergantung kepada kerjasama pelbagai pihak. Oleh itu, Majlis Perundingan amat penting dalam mengukuhkan komitmen Kerajaan MADANI untuk menyediakan platform khusus bagi pihak industri utama berganding bahu dan menyumbang kepakaran ke arah matlamat bersama, iaitu memastikan penjagaan kesihatan swasta yang mampu milik dan

mudah diakses untuk semua rakyat Malaysia, sambil merangsang pertumbuhan sektor yang mampan.

Kementerian Kewangan
Kementerian Kesihatan
Putrajaya

24 Jun 2025

-TAMAT-

LAMPIRAN A: Jawatankuasa Bersama Peringkat Menteri untuk Kos Penjagaan Kesihatan Swasta (JBMKKS)

- **YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan**
Menteri Kewangan II
Kementerian Kewangan Malaysia
- **YB Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly Ahmad**
Menteri Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
- **YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican**
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia
- **YBhg. Datuk Dr. Shahrizat Haji Ahmad**
Timbalan Ketua Setiausaha (Pelaburan)
Kementerian Kewangan Malaysia (wakil menggantikan KSP - jika berkenaan)
- **Datuk Dr Mahathar Abd Wahab**
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
- **YBhg. Dato' Sri Suriani Dato' Ahmad**
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia
- **YBhg. Dato' Seri Abdul Rasheed Ghaffour**
Gabenor
Bank Negara Malaysia

LAMPIRAN B: Majlis Perundingan untuk Kos Penjagaan Kesihatan Swasta

- **En. Ben Ng**
Presiden
Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM)
- **En. Mark O'Dell**
Ketua Pegawai Eksekutif
Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM)
- **En. Nor Azman Zainal**
Wakil
Persatuan Takaful Malaysia (MTA)
- **En. Anwar Anis bin Anis Ahmad**
Setiausaha Kehormat
Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM)
- **YBrs. Dr Tan Hui Ling**
Lembaga Pengarah
Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM)
- **YBhg. Datuk Dr. Thirunavukarasu Rajoo**
Presiden
Persatuan Perubatan Malaysia (MMA)
- **YBrs. Dr Sng Kim Hock**
Penasihat
Persatuan Pakar Amalan Perubatan Swasta Malaysia (ASPMPM)
- **YBhg. Professor Dato' Dr Adeeba Kamarulzaman**
Presiden & Pro Naib-Canselor
Universiti Monash Malaysia
- **YBrs. Dr Saravanan Thambirajah**
Ketua Pegawai Eksekutif
Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA)

Nota: Pihak berkepentingan lain yang relevan boleh dijemput untuk menyertai Majlis Perundingan ini, mengikut keperluan.